



# **PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN**

**PEREKA  
GRED B27**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

# PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN PEREKA GRED B27

## ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
  - i. Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan
  - ii. Kad Pengenalan
  - iii. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu
  - iv. Cat poster atau air (cat yang boleh dicampur dengan air dan cepat kering). **Cat minyak dan 'pastel' tidak dibenarkan.**
  - v. Berus-berus Lukisan.
  - vi. Bekas air dan pembancuh warna.
  - vii. Peralatan lukisan lain yang difikirkan perlu.
2. Kertas Lukisan disediakan oleh Urus Setia Peperiksaan, SPA. Hanya kertas yang diedarkan oleh Ketua Pengawas sah digunakan.
3. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
5. Calon perlu berada di Pusat Peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum ujian bermula.
6. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
7. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan tiga puluh (30) minit selepas Peperiksaan dimulakan.
8. Rujukan kepada mana-mana bahan adalah **TIDAK** dibenarkan.
9. Pewarna, teknik dan bahantara yang pelbagai boleh digunakan **KECUALI** cat minyak dan 'pastel' . Pastikan hasil kerja cukup kering sebelum dihantar.

## PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Peperiksaan hanya mengandungi **dua (2)** bahagian iaitu :

Bahagian I - Ujian Amali  
Bahagian II - Ujian Bertulis

## BAHAGIAN I – UJIAN AMALI

Bahagian ini terbahagi kepada dua seksyen iaitu:

Seksyen A : Lukisan Imaginasi (**potret**) **Soalan Wajib**  
Seksyen B : Lukisan Grafik /Objek (**Pilihan**)

## **Seksyen A**

### **Lukisan Imaginasi (potret) Soalan Wajib**

#### **LUKISAN IMAGINASI**

Calon-calun dikehendaki membuat satu lukisan gubahan yang asli berdasarkan kepada satu kenyataan atau cerita.

Penilaian adalah berdasar kepada:

- (a) Kesesuaian & Ketepatan
- (b) Komposisi & Kreativiti
- (c) Kemahiran

**Media :** Bebas kecuali cat minyak dan Kertas Lukisan

Soalan : 1 (Wajib)

Masa : 1 ½ jam

#### **CONTOH SOALAN :**

Jabatan anda akan mengadakan majlis pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2007. Acara kemuncak majlis tersebut ialah pertunjukan fesyen batik dan songket sebagai usaha untuk mempromosikan industri tersebut. Lukiskan gambaran pertunjukan tersebut lengkap dengan rekaan latar belakang serta pemakaian kostum yang bersesuaian oleh sekurang-kurangnya 3 peserta (lelaki dan perempuan), dalam pertunjukan tersebut.

## **Seksyen B**

### **Lukisan Grafik / Lukisan Objek (Pilihan)**

#### **Pilihan**

**Justifikasi pilihan adalah berdasarkan kepada kebolehan calon mempunyai kelebihan yang berbeza.**

#### **Pelaksanaan:**

**Calon akan diberitahu lebih awal ketika sesi rehat (tengah hari) dan calon diminta untuk membuat keputusan mengikut kebolehan masing-masing.**

#### **Lukisan Grafik**

Calon-calun akan diberi satu kenyataan untuk dijadikan dalam bentuk poster yang lengkap. Calon-calun hendaklah menggunakan kreativiti sendiri untuk dijadikan lukisan tersebut lebih menarik.

**Penilaian adalah berdasarkan kepada:**

- i) Kesesuaian & Ketepatan
- ii) Komposisi & Kreativiti
- iii) Kemahiran

**Media :** Bebas kecuali cat minyak dan kertas lukisan

## **LUKISAN OBJEK**

Calon–calon akan diberi beberapa objek untuk dilukis. Calon-calun dikehendaki menggunakan pensil hitam misalnya 2B, 4B atau 6B untuk menyiapkan lukisan tersebut.

**Penilaian adalah berdasarkan kepada:**

- (a) Kesesuaian & Ketepatan
- (b) Komposisi & Kreativiti
- (c) Kemahiran

**Media : Pensil hitam- 2B, 4B dan 6B dan Kertas Lukisan**

Soalan : 2 jawab 1

Masa : 1 ½ jam

### **CONTOH SOALAN :**

Berpandukan ciri-ciri kreatif, hasilkan sebuah lukisan secara realistik seperti susunan objek-objek yang disediakan bagi menimbulkan kefahaman ilusi 3 – dimensi, integrasi struktur dan bentuk mengikut komposisi tampakan. Objek tersebut ialah

- a. buah nenas
- b. buah betik yang dibelah dua
- c. sesisir pisang

## **BAHAGIAN II – BERTULIS**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** seksyen :-

- (a) Seksyen A – Pengetahuan Am
- (b) Seksyen B – Perancangan Seni

### **SEKSYEN A – PENGETAHUAN AM**

Calon-calun akan diuji pengetahuan am dalam bidang-bidang berikut :

- (i) Dasar-dasar Kerajaan
- (ii) Ehwat Semasa
- (iv) Sosio Budaya
- (v) Asas-asas Seni Lukis dan Seni Reka
- (vi) Multimedia (Perisian & Kegunaannya)

**Media : Pensil 2B**

Soalan : 40 (Aneka Pilihan)

Masa : 30 minit

## CONTOH SOALAN :

Pereka tidak boleh bergantung kepada skrin monitor untuk menentukan warna kerana

- A. saiz berbeza.
- B. ton berbeza.
- C. resolusi berbeza.
- D. **piawaian berbeza.**

## SEKSYEN B – PERANCANGAN SENI

Dalam seksyen ini calon-calon dikehendaki dalam bentuk Esei. Soalan-soalan akan diberi yang berkaitan dengan urusan kerja Seni Lukis dan Seni Reka. Tujuan soalan-soalan ini dikemukakan ialah untuk menguji calon-calon menyediakan konsep dan idea.

Soalan-soalan yang akan dikemukakan adalah berkaitan dalam bidang-bidang berikut :

- (i) Pameran
- (ii) Paparan / *Billboard*
- (iii) Animasi / Komputer Grafik / Multimedia
- (iv) Poster
- (v) Seni Reka Set
- (vi) Seni Reka Kostum

**Penilaian bagi setiap soalan adalah berdasarkan kepada:**

- (a) Konsep
- (b) Idea & Kreativiti

**Media : Pen/ Pensil dan kertas  
jawapan Esei**

Soalan : 6 jawab 3  
Masa : 2 jam

## CONTOH SOALAN :

Anda adalah seorang pereka set yang telah dipertanggung jawabkan untuk menyediakan set pementasan teater muzikal Puteri Gunung Ledang yang akan diadakan di Istana Budaya, Kuala Lumpur. Sila jelaskan tugas dan tanggungjawab serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi menyempurnakan tugas tersebut.